

# Bayaran pendaftaran anggota seni pertahanan diri naik

## Persisi lahirkan rasa kurang senang

BAYARAN bagi pendaftaran anggota seni pertahanan diri telah dinaikkan dari \$5 kepada \$8 setahun mulai Disember lalu.

17 JAN 1985  
Ia merupakan salah satu dari beberapa jenis bayaran yang dinaikkan dan termaktub dalam Peraturan Pindaan Latihan Seni Pertahanan Diri 1984.

Bagaimanapun, kenaikan sebanyak \$3 bagi pendaftaran anggota seni pertahanan diri itu telah menimbulkan rasa tidak puas hati kepada Persekutuan Silat Singapura (Persisi).

### Mengekalkan

Setiasaha Agung Persisi, Encik Johari H.M. Uriff, memberitahu *Berita Harian* bahawa Persisi 'merasa terkejut' dengan kenaikan itu.

Beliau mendakwa bahawa "semua perguruan silat tempatan telah melahirkan rasa dukacita di atas perkara itu dan mensifatkannya sebagai kenaikan yang tidak bersebab".

Oleh MAFOOT SIMON

"Silat bukanlah satu kegiatan yang boleh menghasilkan sesuatu darinya. Ia berkembang dari hasrat untuk mengekalkan warisan dan sebagai kegemaran seseorang yang meminatinya," kata beliau.

Encik Johari menarik perhatian bahawa kenaikan itu akan mengurangkan bilangan peminat-peminat silat untuk mempelajari dan menceburkan diri dari kegiatan yang sihat ini.

"Persisi merayu kepada pihak berkenaan agar dapat menimbangkan semula kenaikan tersebut," tambah Encik Johari lagi.

Seorang jurucakap Unit Kawalan Seni Pertahanan Diri (Macu) pula memberitahu bahawa tambahan pada beberapa bayaran itu adalah untuk menampung 'perbelanjaan pentadbiran' yang semakin bertambah.

Beliau menambah, bayaran-bayaran tersebut telah tidak diubah sejak 1974 dan mensifatkan tambahan sebanyak \$3 bagi anggota kumpulan seni pertahanan diri itu sebagai 'minimal'.

Dalam rombakan bayaran seperti yang termaktub dalam peraturan itu, bayaran bagi pembimbing tidak dinaikkan, katanya. Ia tetap pada \$100 setahun.

Antara bayaran yang dikenakan tambahan ialah bayaran pendaftaran bagi persatuan seni pertahanan diri dari \$50 kepada \$75.

### Tukar tempat

Persatuan seni pertahanan diri yang ingin menukar alamat atau namanya pula dikenakan bayaran sebanyak \$20.00.

Guru seni pertahanan diri yang ingin menukar tempat latihannya atau jenis seni pertahanan diri yang mereka ajar perlu membayar \$5.00.

Sebelum ini mereka tidak perlu membuat sebarang bayaran bagi kedua-dua perkara tersebut.